

Polisi Keselamatan Jalan Raya PLUS Malaysia Berhad



Selaras dengan komitmen PLUS Malaysia Berhad (PLUS) terhadap Kesihatan, Keselamatan, Sekuriti dan Alam Sekitar (HSSE) dan pematuhan kepada Polisi HSSE Syarikat, kami sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat tiada kemudaratan kepada kakitangan, kontraktor dan pelanggan ketika bekerja atau memandu di lebuhraya yang dikendalikan oleh syarikat.

PLUS turut komited untuk memastikan risiko berkaitan Keselamatan Jalan Raya diurus dengan sebaik-baiknya bagi meminimumkan kemudaratan kepada mereka yang mungkin terdedah secara langsung mahupun secara tidak langsung.

Bagi mencapai tujuan ini, syarikat akan menguruskan Keselamatan Jalan Raya melalui pendekatan sistematik 3E seperti berikut :

- **Kejuruteraan**

Aplikasi teknologi terkini dan standard Keselamatan Jalan Raya secara berterusan

- **Pendidikan**

Pembangunan program dan kempen keselamatan jalan raya secara berterusan untuk kakitangan, kontraktor, pelanggan, dan komuniti setempat di sepanjang jajaran lebuhraya bagi meningkatkan kesedaran Keselamatan Jalan Raya

- **Penguatkuasaan**

Kolaborasi berterusan dengan agensi-agensi penguatkuasa yang berkaitan dalam operasi bersama untuk memastikan keselamatan pelanggan

Kakitangan hendaklah mempunyai akauntabiliti sendiri terhadap keselamatan semasa memandu ketika menjalankan tugas rasmi syarikat dengan mematuhi segala peraturan asas seperti di bawah :

- **Keselamatan Pemandu** – memastikan pematuhan terhadap peraturan berkenaan pelesenan, latihan pemanduan defensif serta mempunyai tahap kecergasan terbaik untuk memandu
- **Keselamatan Kenderaan** - memastikan kenderaan yang dipandu ketika menjalankan tugas rasmi syarikat adalah dalam keadaan yang baik dan selamat
- **Keselamatan Perjalanan** – memastikan persediaan Pelan Pengurusan Perjalanan

Dalam masa yang sama, adalah menjadi tanggungjawab pemandu untuk memastikan penumpang (jika ada) dalam kenderaan yang dipandu ketika menjalankan tugas rasmi syarikat turut mematuhi segala peraturan undang-undang yang digariskan namun ianya tidak terhad kepada penggunaan tali pinggang keledar keselamatan di bahagian hadapan dan belakang. Kegagalan mematuhi peraturan boleh menyebabkan kakitangan dikenakan tindakan yang sewajarnya.

Datuk Azman Ismail
Pengarah Urusan PLUS

28 Oktober 2021

